

Utamakan kepentingan parti - Abdullah

'Kita mahu melihat parti terus berjaya, teguh dan kuat, matlamat ini tidak boleh dicampur aduk dengan matlamat peribadi atau kumpulan kerana UMNO adalah untuk semua

Abdullah Ahmad Badawi

KEPALA BATAS 26 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli UMNO supaya tidak mencampuradukkan matlamat dan perjuangan parti dengan kepentingan peribadi atau kumpulan-kumpulan tertentu yang akhirnya boleh merosakkan agenda membela bangsa dan negara.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO menegaskan, semua ahli di seluruh peringkat mesti kembali menghayati gagasan perjuangan asal UMNO dengan meletakkan kepentingan parti sebagai keutamaan tanpa dipengaruhi sebarang matlamat bersifat individu.

Sehubungan itu, beliau mengajak ahli-ahli UMNO mengekalkan perpaduan dan permuafakatan yang menjadi prinsip perjuangan selama ini bagi memastikan ia terus teguh sebagai parti membela kepentingan rakyat secara keseluruhan.

"Kita mahu melihat parti terus berjaya, teguh dan kuat, matlamat ini tidak boleh dicampur aduk dengan matlamat peribadi atau kumpulan kerana UMNO adalah untuk semua.

"Kalau (kepentingan) kumpulan maka ia kejayaan kumpulan sahaja, tapi kalau parti yang berjaya maka ia adalah kejayaan semua, apabila kita berjaya memajukan negara maka semua (rakyat) dapat maju," katanya.

"Beliau yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas di sini hari ini.

Abdullah berkata, kekuatan UMNO perlu berlandaskan perpaduan serta muafakat sesama ahli dan meletakkan perjuangan parti sebagai keutamaan sekali gus dapat memastikan setiap kejayaan yang dikecapi dikongsi bersama.

"Inilah fadhilat muafakat diamalkan selama ini dan inilah yang perlu diteruskan," katanya sambil mengingatkan ahli UMNO

supaya berpegang kuat kepada ajaran agama dalam melaksanakan segala tugas dilaksanakan oleh parti.

Beliau menambah, pegangan kepada prinsip muafakat telah membantu UMNO menghadapi pelbagai masalah sehingga ia menjadi sebuah parti yang kuat sekarang dan berjaya menarik ramai ahli.

Dalam hal ini, katanya, ahli UMNO juga perlu mengingati jasa pemimpin terdahulu yang berjaya merintis jalan bagi membolehkan kerajaan sekarang melakukan perubahan demi kemakmuran dan keamanan yang dinikmati rakyat sekarang.

Bagaimanapun, tegasnya, pembangunan fizikal semata-mata tidak menjamin kelangsungan kejayaan negara, sebaliknya perlu diiringi pendekatan memajukan modal insan terutama dalam bidang sains dan teknologi.

"Kalau manusia tiada kekuatan berlandaskan pengetahuan, tidak ada apa yang boleh dilakukan, semua pembangunan fizikal tidak berguna langsung kerana tidak dapat digunakan," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, prinsip muafakat yang diamalkan selama ini membuktikan setiap pencapaian UMNO memajukan bangsa dan negara bukan sahaja dapat dikecapi oleh orang Melayu, juga dikongsi seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Malah, jelas beliau, pendekatan itu turut dijadikan prinsip penting dalam kerjasama erat dengan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional hingga berjaya mengukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Katanya, ketegangan antara kaum boleh menjejaskan pelaburan asing dan meminta masyarakat sama ada beragama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian supaya mengelak perbalahan, sebaliknya menyelesaikan setiap masalah dengan cara berhemah, bukannya dengan emosi.